

Anwar perlu perkukuh Malaysia sebagai kuasa pertengahan dunia

BH- 27/12/2022 m/s: 10

● Pemulihan ekonomi bukan sahaja memerlukan langkah dan pakej terbaik pada peringkat domestik, bahkan pada peringkat global

● Malaysia mesti menjadi model Islam terpilih bagi memberikan pandangan alternatif, terutama kepada Barat yang sering memandang serong terhadap Islam

Oleh Prof Madya Dr Asmady Idris
bhrencana@bh.com.my

Hala tuju dasar luar negara perlu direncana bersesuaian keadaan semasa, terutama era pascapandemik. Dalam konteks teori disiplin hubungan antarabangsa, neo-realisme iaitu negara kecil seperti Malaysia tidak mempunyai kuasa autonomi penuh dalam menentukan corak dasar luar kerana sentiasa dirantai struktur sistemik antarabangsa atau lebih sistem politik antarabangsa.

Namun, pembabitkan Malaysia memperjuangkan isu negara membangun dan dunia Islam terserlah sehingga kita dikelaskan antara kuasa pertengahan pada abad ini.

Dalam perkataan lain, dasar luar Malaysia bukan semata-mata untuk

kelangsungan atau berdikari bagi memelihara keselamatan serta kepentingan nasional, tetapi di bawah kepemimpinan utuh, negara mampu mencorakkan sendiri hala tuju dasar luar bertepatan kehendak dan kepentingan rakyat.

Elemen teori *social constructivism* memberikan peluang dan kuasa autonomi untuk sesebuah negara memberikan maklum balas atau tindakan tertentu, sekali gus antara elemen terpenting dalam dasar luar Malaysia.

Sebenarnya antara tumpuan utama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, iaitu pemulihan ekonomi bukan sahaja memerlukan langkah dan pakej terbaik pada peringkat domestik, bahkan pada peringkat global. Isu ekonomi memerlukan pembabitkan aktif dan berdaya saing pada peringkat global. Oleh itu, usaha merapatkan lagi hubungan bilateral dan multilateral perlu dipergiatkan.

Kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir bahawa Malaysia tidak akan mengubah asas utama dasar luar dengan meneruskan pendekatan neutral dan berkecuali serta memantapkan kerjasama sedia ada dengan negara lain adalah strategi terbaik menambahkan keyakinan pihak luar, terutama pelabur asing mengenai tahap keamanan dan kesiapsiagaan Malaysia.

Dari sudut lain, ini bermakna Malaysia kekal komited dalam memperjuangkan isu umat Islam terutama konflik Israel-Palestin sama ada melalui hubungan dua hala dengan kepemimpinan Palestin atau Organisasi Kerjasama Islam (OIC) dan keanggotaan dalam organisasi seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Namun, Malaysia mesti bertindak terkehadapan dengan mempelbagaikan kaedah pengurusan agar dapat mengelak sebarang situasi di luar kemampuan dan kesiapsiagaan negara.

Oleh itu, beberapa inisiatif perlu dilaksanakan termasuk memperkukuh hubungan serantau dengan anggota ASEAN. Terbukti ketika kemuncak pandemik, Malaysia dan negara ASEAN saling memerlukan, terutama dari sudut kitaran perbekalan produk makanan dan komoditi bahan mentah, selain usaha memulih sektor pelancongan.

Lawatan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke Indonesia, disusuli Singapura serta beberapa negara ASEAN seperti Kemboja dan Vietnam selepas beberapa pemeteraian persetujuan berkaitan pembukaan sempadan negara perlu diteruskan kepimpinan Anwar. Tidak timbul isu negara ASEAN mana terlebih dahulu dikunjungi kerana semua negara amat memahami keperluan menguatkan hubungan solidariti serantau dan global era pascapandemik bagi mengembalikan semula kestabilan dan kemakmuran.

PM mampu imbangi hubungan serantau

Ini disebabkan hubungan tradisi antara Malaysia dengan negara di rantau ini sentiasa berkeadaan baik. Anwar mampu mengimbangi hubungan Malaysia dengan Turki dan Arab Saudi walaupun diketahui Perdana Menteri mempunyai hubungan peribadi akrab dengan Presiden Turki, Recep Erdogan. Ini disebabkan kedudukan dan pengaruh besar kedua-dua negara rantau Asia Barat itu sudah semestinya memberikan pulangan bermanfaat kepada Malaysia.

Tidak dinafikan wujud ketegangan antara Riyadh dengan Ankara berkaitan isu pembunuhan wartawan Arab Saudi, Jamal Kashoggi, tetapi lawatan rasmi Erdogan mengunjungi Putera Mahkota Muhammad Salman pada Mac lalu, sedikit sebanyak menjernihkan semula hubungan keruh.

Selain itu, dunia Islam sering dikaitkan pelbagai fahaman berkait ciri dan karakter pertubuhan dianggotai seperti Salafisme, Wahabisme dan Islam liberal yang perlu ditangani bijaksana oleh kerajaan.

Ini untuk memastikan Malaysia mengekalkan imej dan reputasi sebagai negara Islam berpendirian sederhana atau wasatiah dan berasaskan kerajaan demokratik. Pendekatan Malaysia dalam mempraktikkan kehidupan beragama terbukti dapat memelihara keharmonian hubungan antara umat Islam dengan masyarakat lain.

Dengan pengamalan fahaman Ahlu Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dan mazhab Shafei sekian lama, umat Islam di negara ini berjaya memaparkan budi pekerti terpuji serta semangat toleransi tinggi. Malaysia mesti menjadi model Islam terpilih bagi memberikan pandangan alternatif, terutama kepada Barat yang sering memandang serong terhadap Islam termasuk akibat isu radikal rejim Taliban di Afghanistan, kumpulan terorisme al-Qaeda dan Daesh.

Bagaimanapun, cabaran terkini terpaksa dihadapi kerajaan pimpinan Anwar ialah peperangan masih

meletus antara Russia dengan Ukraine.

Perang ini menjejaskan rangkaian keterjaminan makanan dunia seperti gandum, barli dan jagung serta penyaluran sumber tenaga gas asli kerana Russia membekalkan 40 peratus gas kepada Eropah.

Suatu penyelesaian segera perlu diambil kerana jika terus berlarutan, krisis makanan dan tenaga gas asli akan lebih parah. Malaysia ketika ini, berpegang prinsip neutral dan berkecuali kerana hubungan baik kita dengan Russia dan Ukraine, iaitu hubungan diplomatik dan perdagangan komersial.

Walaupun dagangan membabitkan 0.5 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan dagangan luar Malaysia, industri pembuatan semikonduktor elektronik negara masih bergantung sumber mineral gas neon dan bahan logam palladium dari kedua-dua negara itu.

Malaysia tidak akan berpeluk tubuh, malah bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa menggesa kedua-dua negara ke meja rundingan.

Seperkara lagi, persaingan antara Amerika Syarikat (AS) dengan China dalam menguasai pentas ekonomi dunia, terus mewarnai pentas sistem politik antarabangsa.

Peranan China dan Russia mungkin amat ditagih masyarakat antarabangsa bagi mewujudkan perimbangan agar AS tidak lagi menjadi kuasa hegemoni dominan. Dunia amat berharap persaingan Washington-Beijing tidak merencatkan pertumbuhan ekonomi, sebaliknya membuah sesuatu positif.

Terdapat beberapa isu bakal menyaksikan hubungan AS-China terus tegang seperti isu Taiwan, tuntutan bertindih di Kepulauan Spratlys, penindasan umat Islam dan Uyghur di Xinjiang.

Dalam hal ini, kerajaan perlu berhati-hati kerana Malaysia mempunyai hubungan amat rapat dengan kedua-dua negara yang jelas kelihatan ketika pandemik. Walaupun wujud persepsi negatif terhadap vaksin China, Malaysia masih percaya keupayaan teknologi perubatan negara itu. Hasilnya, semua jenis vaksin sama ada daripada AS seperti Pfizer atau Sinovac (China) diagihkan sebaiknya tanpa menjejaskan hubungan bilateral.

Sebenarnya, kerajaan pimpinan Anwar amat bertuah kerana mewarisi dasar luar ampuh dan jitu bagi menghadapi segala bentuk cabaran. Diasaskan dengan baik oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein, dasar neutral dan berkecuali berjaya membawa negara hingga dikenali lebih ramai, seterusnya menyumbang pembinaan tamadun dan pembelaan masyarakat tertindas.

Dengan ini, bermula tahun baharu kelak, kepemimpinan kerajaan diseru terus meletakkan negara di peta dunia dengan fungsi negara kuasa pertengahan berkaliiber.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pensyarah Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)